

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan 'dredging' Kuala Sungai Limbang yang telah diluluskan tiga tahun yang lepas bagi mengatasi masalah banjir yang melanda Bandar Limbang dan kampung-kampung sepanjang Sungai Limbang semasa air pasang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah sedia maklum berkaitan masalah muara Sungai Limbang. Oleh yang demikian, satu reka bentuk untuk kerja-kerja di Muara Sungai Limbang telah disiapkan pada tahun 2011.

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Limbang dalam permohonan peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), namun tidak diluluskan.

Kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Limbang akan dilaksanakan sekiranya kelulusan peruntukan dalam RMKe-11 akan diperolehi kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah petani kecil ladang sawit, ladang getah dan kebun lada di Sarawak yang telah mendapat bantuan subsidi dan jumlah subsidi yang telah diberi kepada mereka dalam 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sememangnya prihatin akan keperluan para pengusaha tanaman komoditi, terutamanya para pekebun kecil. Dalam hal ini, Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan bantuan bagi membantu golongan ini mengusahakan tanaman komoditi dan meningkatkan pendapatan.

Bagi sektor sawit, bantuan yang telah disediakan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu adalah:

- i. Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti (SBABB) yang telah dilaksanakan dari tahun 2008 sehingga 2011. Di bawah skim ini, Kerajaan menyediakan bantuan anak benih sawit sehingga 5 hektar. Bagi negeri Sarawak, jumlah bantuan yang telah disediakan adalah RM19.57 juta yang melibatkan 3,228 pekebun kecil sawit;
- ii. Skim Tanaman Sawit (Tanam Baharu dan Tanam Semula) di bawah *Entry Point Project 1 (EPP 1), National Key Economic Areas (NKEA Sawit)* yang bermula pada tahun 2011 dan sehingga kini melibatkan 8,490 pekebun kecil sawit dengan jumlah bantuan sebanyak RM150.6 juta; dan
- iii. Skim Insentif Tanam Semula (SITS) dan Projek Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) yang dilaksanakan dari tahun 2008 hingga

2010, melibatkan 107 pekebun kecil sawit dengan jumlah bantuan sebanyak RM1.5 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tanaman getah, mulai tahun 2012, Kerajaan telah melaksanakan program tanam baharu dan tanam semula getah di bawah NKEA. Bagi tempoh 2012 sehingga 2013, peruntukan sebanyak RM80.04 juta telah disediakan untuk tujuan ini dan ianya melibatkan 12,534 peserta di negeri Sarawak.

Bagi tanaman lada pula, bantuan yang disediakan adalah meliputi aktiviti-aktiviti tanaman baru dan baik pulih tanaman lada. Bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu, seramai 29,219 pekebun kecil lada di Sarawak telah menerima manfaat dari program tersebut yang melibatkan peruntukan sebanyak RM47.45 juta.

Sekian, terima kasih.